

**KHUTBAH JUMAAT**  
**“PELUANG KEDUA”**  
**(16 Oktober 2020M/ 28 Safar 1442H)**

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ .  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا  
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

**Maksudnya :** *Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

(Surah At-Tahrim, ayat 6)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **“Peluang Kedua”**.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kanak-kanak merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada para hamba-Nya untuk dijaga dan dididik dengan sebaik-baiknya sehingga menjadi insan yang bahagia. Ini bagi memastikan mereka mampu untuk memikul peranan dan tanggungjawab memakmurkan bumi Allah ini pada masa hadapan dengan baik.

Islam merujuk istilah kanak-kanak sebagai seseorang yang belum mencapai umur baligh. Ia ditentukan melalui faktor tabi'i atau had umur. Konteks Malaysia pula mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan ia selaras dengan takrifan yang digunapakai di peringkat antarabangsa. Walau apa jua takrifan yang dinyatakan, perlindungan dan perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa. Orang dewasa mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam pembentukan diri kanak-kanak, sama ada membesarkannya

dengan akhlak terpuji atau sebaliknya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah asy-Syu'ara' (الشُّعْرَاءُ) , ayat 132-135 :

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَمٍ وَبَيْنَ ﴿١٣٣﴾ وَجَنَّتِ  
وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

**Maksudnya :** *Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu Dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak) serta anak-pinak (yang ramai), dan taman-taman (yang indah permai) serta matair-matair (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya).*

Ayat tadi menerangkan bahawa segala anugerah Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita termasuk kanak-kanak adalah sebagai ujian di muka bumi. Sama ada anugerah tersebut membawa kepada ketaqwaan atau sebaliknya. Justeru, bimbinglah kanak-kanak yang diibaratkan seperti kain putih dengan sebaik-baiknya agar mereka mempunyai nilai dan jati diri murni untuk memilih kehidupan yang berlandaskan syarak serta menjauhi perkara-perkara yang salah. Imam al-Bukhari *rahimahullah* telah meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

(( كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ ، أَوْ  
يُمَجِّسَانِهِ ... ))

**Maksudnya :** *Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibu bapanya lah yang mencorakkannya menjadi yahudi, atau nasrani atau majusi ...*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Merujuk statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berkenaan dengan kes kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak pada tahun 2019, sebanyak 4,833 kes telah direkodkan. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan antaranya adalah berkaitan dadah, harta benda, dan lalu lintas. Sebagai langkah pemulihan dan mendidik untuk membina sikap positif serta membentuk peribadi yang kukuh, mereka telah ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti, Sekolah Henry Gurney, Asrama Akhlak dan lain-lain. Ini bertujuan agar kanak-kanak yang sering terdorong melakukan kesilapan, mampu dibimbing ke pangkal jalan semula. Kanak-kanak tersebut didedahkan dengan pelbagai pengisian yang positif antaranya berkaitan pembangunan rohani, latihan kemahiran dan variasi ilmu pengetahuan.

Walaupun begitu, pemulihan terhadap pesalah muda di institusi-institusi tersebut tidak akan berjaya sepenuhnya sekiranya tiada sokongan daripada setiap lapisan masyarakat. Dokongan dan bantuan kepada kanak-kanak tersebut untuk kembali ke pangkuan masyarakat setelah menginsafi akan kesilapan yang pernah

terlanjur dilakukan suatu ketika dahulu adalah amat diperlukan. Mereka tidak boleh dipandang hina atau diketepikan. Zahirkanlah perasaan belas kasihan kepada mereka sama ada semasa mereka berada di dalam institusi pemulihan mahupun selepas mereka selesai menjalani perintah pemulihan tersebut. Abdullah bin 'Amru *radhiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا، وَيَعْرِفْ شَرَفَ كَبِيرِنَا ))

**Maksudnya:** *Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap kanak-kanak kami dan tidak tahu menunaikan hak orang yang tua usianya dari kalangan kami.*

*(Hadith riwayat Imam Abu Daud dan Imam at-Tirmizi, dan beliau berkata hadith ini hadis hasan sahih)*

Dalam sebuah hadith yang lain, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim *rahmatullahi alaiهما* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menegaskan:

(( مَنْ لَا يَرْحَمْ لَا يُرْحَم ))

**Maksudnya:** *Sesiapa yang tidak belas kasihan kepada orang lain, tidak akan dikasihani oleh orang lain.*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang diraikan pada hari Sabtu dalam bulan Oktober

ini di Malaysia, maka khatib ingin menyeru kepada umat Islam agar menjaga dengan sebaik-sebaiknya anugerah dan amanah Allah *subhanahu wata'ala* ini sebelum kita bertemu dengan Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat kelak, dengan memberikan sepenuhnya hak-hak yang sepatutnya diterima oleh mereka. Pimpinlah mereka untuk bersedia menjadi khalifah yang mampu memimpin dunia ke arah kesejahteraan. Sekiranya mereka tersilap langkah, tariklah tangan mereka dengan penuh kasih sayang untuk membawa mereka kembali ke jalan yang lurus dan diredai Allah *subhanu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 72:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya** : *Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan*

*manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri



kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.